



Untuk Terbitan Media  
10 Februari 2025

## **SIARAN MEDIA**

### **IBU TUNGGAL LIMA ANAK TERIMA HAMPIR RM1,600 SEBULAN, HASIL CARUMAN PERKESO ARWAH SUAMI**

**KUALA LIPIS:** Pemergian insan tersayang, terutamanya ketua keluarga yang menjadi tunjang kepada sesebuah keluarga pastinya meninggalkan kesan begitu mendalam apatah lagi jika bapa tersebut merupakan pencari rezeki tunggal.

Kalau dulunya semua serba cukup namun selepas kehilangannya, keluarga buntu memikirkan masa depan lebih-lebih lagi dengan cabaran membesarkan anak-anak.

Namun, masih ada sinar buat waris Fazli Mustaffa, 48, yang meninggal dunia akibat sakit jantung pada 23 Disember 2024, hasil caruman perlindungan sosial oleh majikan serta dirinya sendiri kepada Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO).

Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato' Sri Abdul Rahman Hj Mohamad berkata, warisnya, Rosila Abdul Rahim, 45, dan lima anaknya merupakan salah seorang daripada lima penerima faedah PERKESO yang diberikan harapan baharu di sebalik kesukaran dihadapi.

"Kita tidak pernah tahu masa depan kita dan keluarga namun dengan caruman kepada PERKESO, sekurang-kurangnya bila kita tiada, masa depan keluarga masih terbela hasil daripada caruman kita selama ini.

"Begitulah pentingnya caruman kepada PERKESO. Sekarang pun bukan hanya pekerja bermajikan, pekerja sendiri hatta suri rumah pun boleh dilindungi menerusi skim-skim disediakan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap semasa Majlis Ramah Mesra bersama beliau Sempena Sambutan Tahun Baharu Cina 2025 di sini, pada Jumaat yang turut melibatkan penyerahan faedah kepada lima penerima di sekitar Kuala Lipis dengan jumlah keseluruhan RM32,960.03.

Turut hadir ialah Pegawai Daerah Lipis, Dato' Mohd Hafizi Ibrahim, Pengarah PERKESO Pahang, Hisham Abdul Rahman dan beberapa wakil persatuan usahawan di Kuala Lipis.

Waris kepada arwah Fazli, Rosila dan lima anaknya yang berusia antara 12 hingga 20 tahun menerima Faedah Pengurusan Mayat (FPM) berjumlah RM3,000 dengan sekali bayar dan Pencen Penakat sebanyak RM1,593 sebulan untuk seumur hidup.

Pada majlis berkenaan, penyerahan faedah turut membabitkan dua penerima Pencen Ilat, seorang penerima faedah Hilang Upaya Kekal (HUK) dan seorang penerima faedah Hilang Upaya Sementara (HUS).

**Tamat**

**###**

### **Mengenai PERKESO**

PERKESO, agensi Kerajaan yang menyediakan perlindungan sosial kepada pekerja swasta, Badan Berkanun/Kerajaan, bekerja sendiri dan suri rumah serta tanggungannya daripada keadaan luar jangka. Iaitu, kemalangan, hilang upaya, penyakit, kematian dan kehilangan pekerjaan. Perlindungan ini berkonsepkan insurans sosial dengan prinsip 'Prihatin' dan '*no one left behind*'. PERKESO beroperasi di 54 Pejabat, 5 Pusat Rehabilitasi dan 293 MYFutureJobs One Stop Center di Malaysia. Layari [www.perkeso.gov.my](http://www.perkeso.gov.my) atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan 1300 22 8000.

**Dikeluarkan oleh:**

**Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Korporat**

**10 Februari 2025**

**Untuk pertanyaan media, sila hubungi:**

**Ridauddin Daud**

**+6019-3265772**

**[ridauddin.daud@perkeso.gov.my](mailto:ridauddin.daud@perkeso.gov.my)**